

Mempertahankan kes khalwat Mohamad Sabu

PM bidas Nik Aziz

Oleh SITI HATIJA YUSOF

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas Ketua Dewan Ulama Pas, Nik Aziz Nik Mat yang beria-ia mempertahankan Naib Ketua Pemuda Pas Pusat, Mohamad Sabu yang ditangkap berkhalwat dengan isteri orang Selasa lalu.

Perdana Menteri juga mempersoalkan sikap pemimpin Pas itu kerana menuduh UMNO merancang tangkapan tersebut sedangkan Kerajaan Kelantan sendiri menguasai semua jentera kerajaan negeri itu termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEIAK).

Beliau berkata, dalam kes Mohamad Sabu ini, pemimpin Pas itu seolah-olah menunjukkan mereka mempunyai dua tafsiran yang berbeza berhubung dengan undang-undang tangkapan khalwat.

Katanya, di Kelantan berdua-duaan di tempat terbuka biasa sahaja, sudah boleh ditangkap undang-undang tangkapan khalwat.

"Ini pula dia (Mohamad Sabu) tidak menafikan dia berjumpa dalam bilik, dua orang pula. Ini sudah boleh ditafsirkan sebagai khalwat, saya tidak tahu kenapa Nik Aziz kata ini tidak berlaku sedangkan mereka sendiri mengaku benda (pertemuan) itu berlaku.

"Walaupun dia kata hendak hantar barang, ia sudah boleh ditafsirkan sebagai khalwat. Saya hendak tanya kepada orang-orang Pas sama ada mereka ada dua tafsiran berkenaan khalwat, kalau orang lain, khalwat... kalau Pas tidak khalwat," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Inilah reaksi pertama beliau terhadap sikap Menteri Besar Kelantan itu yang terus mempertahankan Mohamad Sabu dan menyifatkannya sebagai 'perangkap' yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu.

PM bidas Nik Aziz

Selasa lalu, Naib Ketua Pemuda Pas Pusat itu ditangkap oleh sepasukan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, ketika berdua-duaan dengan Norma Abdul Halim di bilik bernombor 121, Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan kerana disyaki berkhalwat. Norma ialah isteri Bukhari Mohd. Noor, wakil calon Mohamad Sabu yang disebut-sebut sebagai bakal calon Pas kawasan Dewan Undangan Negeri Mulong.

Menurut Presiden UMNO itu, sikap pemimpin Pas menuduh UMNO yang merancang tangkapan itu adalah tidak munasabah sama sekali.

Ini kerana, katanya, peranan Jabatan Agama Islam di seluruh negara antaranya ialah menangkap pasangan yang berkhalwat sehinggakan kepada pasangan yang duduk di bangku di taman-taman.

"Ketika itu, (tangkap di taman) Pas tidak pun tuduh kita (UMNO) rancang, tetapi bila kena dekat Mohamad Sabu, kita dituduh merancang tangkapan itu dan seterusnya akan tangkap orang lain pula," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Pas boleh menu-

duh UMNO sekiranya pihak UMNO sendiri merancang pertemuan antara Mohamad Sabu dan wanita itu.

"Yang ini (pertemuan) Pas tidak kata kita suruh jumpa tetapi yang dia kata kita suruh tangkap. Yang dua orang duduk dalam bilik ini, apa yang mereka buat, kenapa ada dalam bilik, yang itu persoalannya.

"Inilah orang yang selalu sangat bercakap sebagai 'Ustaz' Mohamad Sabu. Kononnya orang lain tidak betul, tidak Islam, tetapi dia sendiri buat kerja macam ini," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr. Mahathir mencabar Mohamad Sabu supaya menjelaskan kenapa Ahli Parlimen Nilam Puri itu berada di hotel berkenaan termasuklah waktu beliau mendaftar masuk bilik hotel itu.

"Kalau dia (Mohamad Sabu) boleh cerita, macam mana dia boleh berada dalam satu bilik di hotel dengan isteri orang, bilik tertutup pulak tu... kita hendak tahu semua ini, apa sebab dia berada di hotel, dia duduk di Kelantan, dia tidak ada rumah ke," katanya.